

# **BUNYI GELUNCURAN DI SARAWAK: SUATU CIRI BUNYI YANG BERSIFAT WILAYAH**

*(The Off-Glide Sounds in Sarawak: A Regionally Sound Feature)*

*Chong Shin*

chongshin 2002@yahoo.com

Institut Alam dan Tamadun Melayu,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Terbit dalam talian (*published online*): 1 Disember 2018

Sila rujuk: Chong Shin. (2018). Bunyi geluncuran di Sarawak: Suatu ciri bunyi yang bersifat wilayah. *Jurnal Bahasa* 18(2), 319-342.

## **Abstrak**

Makalah ini membincangkan bunyi geluncuran ( ) yang wujud dalam dialek Melayu (Saribas, Krian, Rejang), bahasa Iban, bahasa Melanau dan bahasa Bintulu. Oleh sebab bahasa Iban merupakan bahasa dominan di Sarawak dan kaya dengan bunyi geluncuran, maka timbul persoalan sama ada fonologi bahasa bukan Iban (seperti dialek Melayu, Melanau dan Bintulu) telah dipengaruhi oleh bahasa Iban? Makalah ini dibincangkan dengan berlandaskan kerangka Blust (1997) tentang nasal dan nasalisasi di Borneo. Oleh sebab ciri bunyi praletupan nasal wujud di kawasan yang tidak menunjukkan kesinambungan dari segi geografi, kewujudan bunyi ini lebih bersifat wilayah daripada dipengaruhi oleh bahasa lain. Ciri bunyi yang bersifat kewilayahan ini menunjukkan dua fenomena yang umum, iaitu (1) persebarannya tidak bersinambungan dari segi geografi, dan (2) merentasi cabang/rumpun bahasa. Dalam dialek Melayu, Iban, Melanau dan Bintulu yang dikaji, ciri kriterianya sejajar dengan kes bunyi praletupan nasal yang diterangkan oleh Blust. Data tambahan dari kawasan luar Pulau Borneo, iaitu Sumatera (bahasa Melayu Jambi, Minangkabau dan Kerinci) juga menunjukkan ciri geluncuran pada akhir kata. Hasil analisis mendapati bahawa bunyi geluncuran di Sarawak menepati kedua-dua kriteria ini, iaitu bahasa-bahasa tersebut mengandungi ciri bunyi ini dan secara kebetulan menepati kriteria kerangka Blust.

*Kata kunci: Bunyi geluncuran, kewilayahan, pengaruh bahasa, fenomena nasalisasi*

**Abstract**


*This paper discusses the off-glide sounds which exist in the Malay dialect (Saribas, Krian, Rejang) as well as the Iban, Melanau and Bintulu languages. Since Iban language is the dominant language in Sarawak, and rich in glided sounds, a question arises as to whether they are influenced by the Iban language or caused by other factors. The discussion of this paper is based on Blust's (1997) on nasal and nasalization phenomenon in Borneo. Since the nasal prelosion is attested in several geographically discontinuous regions of Borneo, this linguistic characteristic seems to appear regionally rather than influenced by other languages. The linguistic features that are regionally characterized displayed two common phenomenon, namely: (1) its spread is geographically discontinuous, and (2) beyond a unitary language branch or language. In the Malay dialect of the Iban, Melanau and Bintulu languages examined here, the criteria correspond with the case of nasal prelosion as described by Blust. Additional data from Sumatera (Jambi Malay, Minangkabau and Kerinci), which are scattered outside the Borneo Island, also exhibited glided sounds at the end of words. Findings reveal that glided sounds in Sarawak native languages fulfilled both criteria, which is they contain this particular sound and by coincidence meet the criteria of Blust's framework.*

*Keywords: off-glide sounds, regional, language influence, nasalisation*

## **PENGENALAN**

Dialek Melayu Saribas-Krian-Rejang,<sup>1</sup> bahasa Iban, bahasa Melanau dan Bintulu masing-masing menduduki cabang bahasa yang berbeza. Dialek Melayu Saribas-Krian-Rejang dan bahasa Iban menduduki cabang Melayik (lihat Chong, 2007); bahasa Melanau terdiri atas cabang tersendiri (Chou, 2002) dan bahasa Bintulu dikelompokkan sebagai bahasa Sarawak Utara (Blust, 1974); lihat Rajah 1.

Kesemua bahasa ini, yang masing-masing digolongkan secara tersendiri dalam rumpun Melayo-Polinesia Barat mempunyai hubungan linguistik yang berbeza. Bahasa Iban dan dialek Melayu Saribas-Krian-Rejang mempunyai persamaan tertentu kerana menduduki kelompok Melayik. Bahasa pada cabang Melayik ini pula tiada hubungan linguistik dengan bahasa Melanau



**Rajah 1** Salasilah empat bahasa di Sarawak.

dan bahasa Bintulu, melainkan beberapa kosa kata pinjaman dan bunyi yang diretensi daripada bahasa induk. Untuk bahasa Melanau dan Bintulu, kedua-dua bahasa ini berhubungan sangat dekat dan mempunyai kadar kesalingfahaman yang tinggi, bahkan kadang-kadang dianggap sebagai dua dialek (lihat Zaini, 1989 dan Kroeger, 1998). Akan tetapi, bukti sejarawi tidak mendukung status tersebut kerana bahasa Bintulu memperlihatkan inovasi fonologi daripada bahasa Sarawak Utara Purba (Blust, 1974)<sup>2</sup> manakala bahasa Melanau diperturunkan daripada bahasa Melanau Proto (Chou, 2002).

Berdasarkan huraian di atas, jelas bahawa Melayu Saribas-Krian-Rejang, bahasa Iban, Melanau dan Bintulu berstatus empat bahasa yang berlainan. Sebagai bahasa tersendiri, setiap bahasa ini memiliki sistem linguistik tertentu yang mencetuskan ketidaksalingfahaman dalam kalangan penutur. Walau bagaimanapun, wujud satu ciri bunyi yang dikongsi bersama, iaitu bunyi geluncuran. Makalah ini cuba menjelaskan status bunyi ini dan menguji kewujudannya yang sama ada bersifat pengaruh bahasa lain ataupun bunyi yang bersifat wilayah (*regional*). Dalam beberapa kajian lepas, bunyi geluncuran dilabel dengan pelbagai nama, misalnya: “bunyi deretan vokal” oleh Asmah (1981); “penyisipan vokal” oleh Wong & Aiwan (1996); dan, “bunyi geluncuran vokal” oleh Dedy (2005). Dari segi perlambangan, berbagai-bagai simbol juga digunakan misalnya [-uo-], [-<sup>3</sup>-] atau [-<sup>wə</sup>-] dan sebagainya.

## KERANGKA TEORI

Di lembah sungai Sekadau (Kalimantan Barat, Indonesia), bahasa Melayik dan bahasa Bidayuhik masing-masing memiliki bunyi letupan pranasal (*nasal prelosion*). Contohnya: /makaʔn/ “makan”, /təŋɔlaʔm/ “tenggelam”, /dataʔŋ/ “datang” (Melayik—Dialek Melayu Sekadau; lihat Chong, 2010) dan /samilatn/ “sembilan”, /mɔnaʔm/ “sakit”, /kɔpiʔŋ/ “telinga” (Mentuka’—Bidayuhik; lihat Chong, 2008). Kedua-dua bahasa ini bukan terdiri atas cabang bahasa yang sama dan tidak mempunyai pertalian linguistik. Persamaan bunyi letupan pranasal ini mungkin boleh dikaitkan dengan faktor pengaruh bahasa lain. Namun demikian, ciri bunyi ini juga terdapat pada bahasa yang tersebar ratusan kilometer jauh dari lembah Sekadau, contohnya bahasa Kenayan di wilayah Pontianak, Landak dan Bengkayang; lihat Peta 1. Di luar Pulau Borneo, bahasa Urak Lawoi dan Champa (bahasa Austronesia); Semai, Che’ Wong, Kintaq, Khmu’ (bahasa Orang Asli); bahasa di Aranda, Olgolo (Australia); dan, Macro-Ge (Selatan Brazil) juga mengandungi ciri ini (Blust, 1997). Berdasarkan penerangan ini, Blust (1997) mengatakan bahawa bunyi letupan pranasal ialah suatu ciri linguistik yang bersifat wilayah kerana:

- (1) Persebarannya berlaku di kawasan geografi yang tidak berhubungan. Seperti yang dijelaskan oleh Blust (1997), bunyi letupan pranasal akhir tersebar selain di Borneo, juga di tanah besar Asia Tenggara, Australia dan Brazil.
- (2) Kewujudan merentasi cabang (keluarga) bahasa—Ciri bunyi letupan pranasal bukan sahaja wujud pada bahasa cabang Austronesia (Bidayuhik dan Melayik) di Borneo, juga pada keluarga bahasa Austroasiatik, keluarga bahasa di Australia dan Macro-Ge di Selatan Brazil; lihat Blust (1997).

Bunyi letupan pranasal yang diketengahkan ini merupakan dalil bahawa memang wujud bunyi bahasa yang bersifat wilayah. Makalah ini menggunakan pendekatan Blust (1997) untuk membuktikan bahawa bunyi geluncuran dalam dialek Melayu Saribas-Krian-Rejang, bahasa Iban, Melanau dan Bintulu berstatus seperti bunyi letupan pranasal.

## DATA ANALISIS

Bahagian ini memaparkan data bunyi geluncuran yang terdapat pada dialek Melayu Saribas-Krian-Rejang, bahasa Iban, bahasa Melanau dan bahasa Bintulu. Kesemua data yang digunakan ialah data lapangan (kecuali yang dinyatakan sumbernya) dan dikumpulkan di bawah tiga projek *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS), iaitu:

- (1) UKM-II-FRGS00002-2007  
Tajuk: Menyempurnakan Kosa Ilmu Dialek dan Sastera Melayu Sarawak: Kajian di Sungai Kemena dan Sungai Baram, Bahagian Timur Sarawak.
- (2) UKM-II-05-FRGS 0093-2009  
Tajuk: Mengklasifikasi Bahasa Melanau di Sarawak
- (3) FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/8  
Tajuk: Menerokai Konsep Baru “Masuk Melayu” Melalui Etnolinguistik Suku Kaum Penan Muslim dan Melayu-Melanau Sarawak

Dalam makalah ini, untuk keseragaman, data yang penulis kumpulkan akan menggunakan lambang [-wə-] untuk bunyi geluncuran, manakala lambang daripada sumber sekunder akan dikekalkan bentuknya seperti teks asal. Perlu dijelaskan bahawa bunyi [-e-], [-ə-] dan [-ə-] yang dimaksudkan di sini ialah bunyi *off-glide*, iaitu bunyi geluncuran akhir yang ditambahkan di belakang vokal. Dalam hal ini, vokal asal tetap tidak berubah, tetapi mempunyai bunyi vokal tambahan sesudahnya. Definisi untuk istilah ini ialah: “*a transitional sound produced as the vocal organs move from a previous speech sound to an inactive position or to the position of a following sound*” (<http://www.dictionary.com>).

Bunyi [-<sup>e</sup>-], [-ə-] atau [-<sup>ə</sup>-] ialah bunyi alternasi daripada [-<sup>ve</sup>-] dan [-<sup>wə</sup>-]. Kelainan sedemikian timbul kerana: faktor keseragaman semasa peneliti melambangkan bunyi ini pada ruang dan waktu yang berbeza; pentafsiran yang berbeza mengikut peneliti; kespontanan informan ketika menyebutnya; dan, faktor ranah (dalam situasi formal, kadangkala bunyi ini dinyahkan). Rujukan kepada beberapa tulisan turut menemui contoh perlambangan seumpamanya untuk bunyi ini:

- (a) Dalam bahasa Bru Sakon Nakhorn di Timur Laur Thailand (salah satu bahasa Austroasiatik) dilaporkan mengandungi bunyi geluncuran

[-a-], contohnya pada [tuaŋ] “tasik” dan [Nʔuaŋ] “sebelum”, (Charles & Lew, 2013).

- (b) Dalam bahasa Iban (seperti perbincangan dalam makalah ini), menurut Smith (2017), “*high vowels in a final closed syllable (in Iban) have a short schwa offglide, regardless of the quality of the final syllable, thus the vowels in uC and iC are phonetically [ʊə] and [iə]*”, contohnya [iduəp] “hidup”, [masiəŋ] “masin” dan sebagainya.
- (c) Dalam Collins (1983), dicatatkan bahawa diftong dialek Ulu Terengganu disingkatkan menjadi monoftong atau monoftong dengan geluncuran vokal tengah sahaja, misalnya [pisə] “pisau” dan [sapaə] “sampai”.
- (d) Moussay (1998 dlm Rina, 2013) mencatatkan bahawa terdapat geluncuran [ə] pada /i, e, o, u/, misalnya /caciəŋ/ “cacing”, /karuəŋ/ “karung” dan /labiəh/ “lebih”.

### Geluncuran dalam Dialek Melayu Sarawak

Di lingkungan Sungai Saribas-Krian-Rejang, kata-kata yang berakhir dengan /-uŋ/ dan /-uk/ akan mengalami geluncuran bunyi [-wə-]. Di luar lingkungan ini, misalnya di Kuching (lembah Sungai Sarawak), dialek Melayu baik yang dikaji oleh Madzhi (1988) mahupun Collins (1987) tidak menunjukkan ciri geluncuran. Contohnya:

Erti	Dialek Melayu Sarawak-Kuching (Madzhi, 1988)
Pancung	pancoŋ
Anjung rumah	ʔanjoŋ
Sombong	gamboŋ
Kampung	kamponŋ
Lampung	lamponŋ

Erti	Dialek Melayu Sarawak (Collins, 1978)			
	Tupong Tengah	Buntal	Tabuan	Sejingkat
Hidung	idoŋ	idoŋ	idoŋ	idoŋ
Burung	bujoŋ	bujoŋ	bujoŋ	bujoŋ

Berdasarkan kajian Madzhi (1988) dan Collins (1987), dapat dirumuskan bahawa ciri geluncuran tidak wujud dalam dialek Melayu di lingkungan Sungai Sarawak. Di luar sistem sungai Sarawak, bunyi geluncuran mulai kelihatan. Contohnya, data Collins (1987) menunjukkan terdapat bunyi geluncuran [-<sup>a</sup>-] untuk kata [buyu<sup>wəŋ</sup>] “burung” di kampung Tanjung Bundong (Sungai Samarahan).<sup>3</sup> Data penulis dari Tanjung Bundong menunjukkan variasi Melayu ini kaya dengan bunyi geluncuran. Contohnya:

<b>Erti</b>	<b>Tanjung Bundong</b>
Jantung	jantu <sup>wəŋ</sup>
Burung	buyu <sup>wəŋ</sup>
Pohon sagu	mulu <sup>wəŋ</sup>
Gunung	gunu <sup>wəŋ</sup>
Menghitung	itu <sup>wəŋ</sup>

Berdasarkan data dari Tanjung Bundong, boleh dipastikan bahawa bermula dari Sungai Samarahan, variasi Melayu mula memaparkan unsur geluncuran dan persebarannya menjangkau ke lembah Sungai Saribas, Krian dan Rejang. Perhatikan tiga kelompok data yang berikut:

### Sungai Saribas

<b>Erti</b>	<b>Betong</b>	<b>Beladin</b>
Jantung	jantu <sup>wəŋ</sup>	jantu <sup>wəŋ</sup>
Burung	buyu <sup>wəŋ</sup>	buyu <sup>wəŋ</sup>
Pohon sagu	mulu <sup>wəŋ</sup>	mulu <sup>wəŋ</sup>
Gunung	--	gunu <sup>wəŋ</sup>
Menghitung	ŋitu <sup>wəŋ</sup>	ŋitu <sup>wəŋ</sup>

### Sungai Krian

<b>Erti</b>	<b>Kupang</b>	<b>Kabong</b>
Jantung	jantu <sup>wəŋ</sup>	jantu <sup>wəŋ</sup>
Burung	buyu <sup>wəŋ</sup>	buyu <sup>wəŋ</sup>
Pohon sagu	mulu <sup>wəŋ</sup>	sagu?
Gunung	gunu <sup>wəŋ</sup>	bukit

<b>Erti</b>	<b>Kupang</b>	<b>Kabong</b>
Menghitung	ŋitu <sup>wə</sup> ŋ	ŋiyə

### Sungai Rejang

<b>Erti</b>	<b>Sibu</b>	<b>Belaga</b>
Jantung	jantu <sup>wə</sup> ŋ	jantu <sup>wə</sup> ŋ
Burung	buyu <sup>wə</sup> ŋ	buyu <sup>wə</sup> ŋ
Pohon sagu	mulu <sup>wə</sup> ŋ	Balaw
Gunung	gunu <sup>wə</sup> ŋ	gunu <sup>wə</sup> ŋ
Menghitung	ŋitu <sup>wə</sup> ŋ	ŋitu <sup>wə</sup> ŋ

Selain geluncuran [-wə-] pada /-uŋ/, bunyi geluncuran ini juga wujud pada /-uk/. Yang berikut merupakan contoh kata Melayu Saribas, Krian dan Rejang yang mengandungi unsur bunyi ini.

### Sungai Saribas

<b>Erti</b>	<b>Betong</b>	<b>Beladin</b>
Duduk	dudu <sup>wək</sup>	dudu <sup>wək</sup>
Paruh Ayam	patu <sup>wək</sup>	patu <sup>wək</sup>
Sejuk	səju <sup>wək</sup>	səju <sup>wək</sup>
Tanduk	tandu <sup>wək</sup>	tandu <sup>wək</sup>
Menumbuk padi	tutu <sup>wək</sup>	nutu <sup>wək</sup>
Gosok	gosu <sup>wək</sup>	gosu <sup>wək</sup>

### Sungai Krian

<b>Erti</b>	<b>Kupang</b>	<b>Kabong</b>
Duduk	dudu <sup>wək</sup>	dudu <sup>wək</sup>
Paruh Ayam	patu <sup>wək</sup>	patu <sup>wək</sup>
Sejuk	səju <sup>wək</sup>	səju <sup>wək</sup>



<b>Erti</b>	<b>Kupang</b>	<b>Kabong</b>
Tanduk	tandu <sup>wə</sup> k	tandu <sup>wə</sup> k
Menumbuk padi	tutu <sup>wə</sup> k	tumbu <sup>wə</sup> k

### **Sungai Rejang**

<b>Erti</b>	<b>Sibu</b>	<b>Belaga</b>
Duduk	dudu <sup>wə</sup> k	dudu <sup>wə</sup> k
Paruh Ayam	patu <sup>wə</sup> k	patu <sup>wə</sup> k
Sejuk	səju <sup>wə</sup> k	səju <sup>wə</sup> k
Tanduk	tandu <sup>wə</sup> k	tandu <sup>wə</sup> k
Menumbuk padi	tutu <sup>wə</sup> k	--

### **Geluncuran dalam Bahasa Iban**

Bahasa Iban merupakan bahasa yang paling menonjol dari segi bunyi geluncuran. Cara sebutan Iban yang bergeluncuran bahkan berlaku pada kata pinjaman. Contohnya van yang menjadi pengangkutan awam utama di Betong (hulu Saribas) disebut dengan geluncuran, iaitu [bien]. Boleh dikatakan bahawa bunyi geluncuran merupakan suatu ciri khas dalam bahasa Iban. Dari segi etimologi, kata [bien] berasal dari van dalam bahasa Inggeris. Kata ini secara kolokial disebut sebagai [ben] oleh masyarakat Sarawak. (Di Sarawak, oleh kerana kawasan luar bandar ketinggalan dari segi sistem pengangkutan awam, penduduk tempatan amat bergantung pada perkhidmatan van yang beroperasi secara haram tanpa permit. Pemilik van biasanya terdiri daripada penduduk kampung atau rumah panjang juga. Setiap hari, van akan berulang alik membawa penduduk ke pekan). Oleh sebab pengaruh bunyi geluncuran yang lumrah dalam bahasa Iban, maka penutur Iban turut “menggeluncurkan” vokal /e/ pada [ben] menjadi [bi<sup>y</sup>en] atau [bi<sup>y</sup>en] dengan bunyi *onglide* [ie]. Begitu juga dengan di Kalimantan Barat, bahasa Ibanik (misalnya bahasa Ketungau, Mualang, Seberuang, Desa dan sebagainya) merupakan bahasa yang memiliki bunyi geluncuran dalam ratusan bahasa/dialek yang dituturkan di kawasan tersebut; lihat Collins (2004). Yang berikut dipaparkan dua contoh bahasa Iban di Sarawak (lembah Saribas dan Rejang)<sup>4</sup> yang mengandungi bunyi geluncuran:

**(1) Geluncuran [-<sup>ɛ</sup>-] ~ [-<sup>ve</sup>-]**

Bunyi geluncuran ini wujud pada kata Iban yang berakhir dengan /-is/. Di samping itu, bunyi geluncuran ini disisipkan pada posisi suku kata akhir sebelum /-aŋ/ contohnya:

<b>Erti</b>	<b>Rumah Panjang Tebelau Nanga (Saribas)</b>	<b>Rumah Panjang Anak (Tatau)</b>
Manis	mani <sup>ɛ</sup> s	mani <sup>ɛ</sup> s
Betis	bəti <sup>ɛ</sup> s	bəti <sup>ɛ</sup> s
Belakang	blakeaŋ	blakeaŋ
Telinga	pəndeaŋ	pəndeaŋ

**(2) Geluncuran [-<sup>wə</sup>-]**

Dalam bahasa Iban, bunyi geluncuran ini wujud pada /-uŋ/, /-uk/ dan /-ut/, contohnya:

<b>Erti</b>	<b>Rumah Panjang Tebelau Nanga (Saribas)</b>	<b>Rumah Panjang Anak (Tatau)</b>
Hidung	idu <sup>wə</sup> ŋ	idu <sup>wə</sup> ŋ
Leher	rəku <sup>wə</sup> ŋ	rəku <sup>wə</sup> ŋ
Burung	buru <sup>wə</sup> ŋ	buru <sup>wə</sup> ŋ
Duduk	dudu <sup>wə</sup> k	dudu <sup>wə</sup> k
Jari	tujju <sup>wə</sup> k	tujju <sup>wə</sup> k
Ayam	manu <sup>wə</sup> k	manu <sup>wə</sup> k
Mulut	mulu <sup>wə</sup> t	mulu <sup>wə</sup> t
Kuku	kuku <sup>wə</sup> t	kuku <sup>wə</sup> t
Perut	pəru <sup>wə</sup> t	pəru <sup>wə</sup> t

**(3) Geluncuran [-ʔ-] ~ [-wə-]**

Bunyi geluncuran ini disisipkan pada posisi suku kata akhir yang berakhir dengan /-uh/ dan /-ul/. Contohnya:

<b>Erti</b>	<b>Rumah Panjang Tebelau Nanga (Saribas)</b>	<b>Rumah Panjang Anok (Tatau)</b>
Tumbuh	tumbu <sup>ʔ</sup> h	tumbu <sup>ʔ</sup> h
Jatuh	labu <sup>ʔ</sup> h	labu <sup>ʔ</sup> h
Buluh	bulu <sup>ʔ</sup> h	bulu <sup>ʔ</sup> h
Cangkul	paŋku <sup>ʔ</sup> l	caŋku <sup>ʔ</sup> l
Tumpul	tumpu <sup>ʔ</sup> l	tumpu <sup>ʔ</sup> l
balung ayam	duŋu <sup>ʔ</sup> l	duŋu <sup>ʔ</sup> l

**Geluncuran dalam Bahasa Melanau**

Dari segi persebaran, bahasa Melanau dituturkan di persisiran pantai dari delta Rejang ke Balingian dan juga dua kampung di pedalaman Rejang. Terdapat terminologi yang berbeza untuk suku Melanau di delta Rejang dan persisiran pantai. Suku yang tinggal di persisiran dinamakan suku “Melanau” manakala yang tinggal di pedalaman Rejang dikenali sebagai Melanau Tanjung. Yang berikut dipaparkan data Melanau Rejang (kampung Rejang) dan Tanjung (Nanga Serian, Kapit) yang mengandungi bunyi geluncuran [-wə-].

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, bahasa Melanau tidak menunjukkan hubungan linguistik dengan dialek Melayu ataupun bahasa Iban. Untuk memudahkan pemahaman, leksikal yang mirip dengan bahasa Melayu (mungkin kata pinjaman) dipilih untuk perbincangan (sedikit kata Melanau “asli” juga disisipkan sebagai maklumat tambahan). Dalam perbincangan, kita akan bertemu dengan kosa kata yang berlainan antara Melanau Tanjung dan Rejang kerana kedua-duanya merupakan dua variasi bahasa yang berbeza; lihat Chou (2002).

**(1) Geluncuran [-wə-] pada /-uŋ/**

Berdasarkan jadual di bawah, bahasa Melanau dari Nanga Serian dan Kampung Rejang memperlihatkan geluncuran [-wə-] pada /-uŋ/.

Erti	Tanjung (Nanga Serian)	Melanau (Kampung Rejang)
Jantung	jantu <sup>wəŋ</sup>	--
Hidung	udu <sup>wəŋ</sup>	udu <sup>wəŋ</sup>
Gunung	gunu <sup>wəŋ</sup>	təkaʔ
Bulat	gulu <sup>wəŋ</sup>	gulu <sup>wəŋ</sup>
Babi hutan	babuy ipu <sup>wəŋ</sup>	--
Tenggelam	ləkatup	katu <sup>wəŋ</sup>
Luan	loan	ŋabu <sup>wəŋ</sup>

**(2) Geluncuran [-wə-] pada /-uk/ dan /-uʔ/**

Dalam bahasa Melanau, bunyi geluncuran juga wujud pada /-uk/ dan /-uʔ/ (kedua-dua fonem /-k/ dan /-ʔ/ tidak berstatus fonem tersendiri, seperti dialek Melayu di Borneo Barat).

Erti	Tanjung (Nanga Serian)	Melanau (Kampung Rejang)
Cempedak	padu <sup>wəʔ</sup>	padu <sup>wəʔ</sup>
Menggosok	musu <sup>wəʔ</sup>	musu <sup>wəʔ</sup>
Rusuk	usu <sup>wək</sup>	usu <sup>wək</sup>
Leher	təŋu <sup>wək</sup>	təŋu <sup>wək</sup>
Melihat	ŋipu <sup>wəʔ</sup>	dudieŋ
Meniup	marup	mupu <sup>wəʔ</sup>
Menyusu	məsu <sup>wəʔ</sup>	mənusəw

**Geluncuran dalam Bahasa Bintulu**

Bunyi geluncuran dalam bahasa Bintulu pernah disentuh sepintas lalu dalam Chou (2002). Pada bahagian lampiran tesis beliau, dipaparkan beberapa kata yang mengandungi ciri bunyi ini, misalnya /abuəʔ/ “abu”, /katuəʔ/

“jatuh”, /pədiəŋ/ “panas”, /da’giəŋ/ “daging” dan sebagainya. Data penulis dari lapangan mendapati bahasa Bintulu mengandungi banyak ciri bunyi ini. Setelah diklasifikasikan, kewujudan setiap ciri bunyi ini bergantung pada bunyi vokal dan konsonan yang berdampingan dan geluncuran ini wujud pada posisi suku kata akhir. Secara terperinci, terdapat tiga jenis geluncuran yang dikenal pasti, iaitu [-<sup>e</sup>-] dan [-<sup>ə</sup>-].

### (1) Geluncuran [-<sup>e</sup>-] ~ [-<sup>ye</sup>-]

Pada posisi akhir kata suku kata tertutup yang berakhir dengan bunyi hentian glotis /-ʔ/, bunyi vokal tinggi yang mengikutinya iaitu /i/, akan mengalami geluncuran [-<sup>e</sup>-] (~ [-<sup>ye</sup>-]). Contohnya:

Erti	Bahasa Bintulu
Kecil	disi <sup>e</sup> ʔ
Pendek	dibi <sup>e</sup> ʔ
Kencing	mənəni <sup>e</sup> ʔ
Menjahit	bəjaʔi <sup>e</sup> t
Tikus	bəli <sup>e</sup> t
Gunung	məti <sup>e</sup> t
Memulas	tənaʔi <sup>e</sup> t

### (2) Geluncuran [-<sup>ə</sup>-] ~ [-<sup>wə</sup>-]

Dalam kajian Chou (2002), juga dilaporkan wujud bunyi [-ə-] dalam bahasa Bintulu. Namun begitu, bunyi ini hanya wujud pada vokal tinggi /i/ sahaja dan didakwa oleh beliau sebagai alofon untuk /i/, iaitu pada posisi akhir kata sebelum nasal velar bunyi /-ŋ/, /i/ akan menjelma sebagai [iə]. Contohnya pada kata [dagiəŋ] “daging” dan [kuniəŋ] “kuning”. Pada pendapat penulis, bunyi [iə] tidak wajar ditafsirkan sebagai alofon kerana [-ə-] juga wujud selepas vokal /e/, sebelum konsonan akhir kata /-ŋ/, /-p/ dan /-s/. Contohnya: [kaʔeəŋ] “kering”, [məbeəŋ] “memerah”, [supəp] “menghisap” dan [məlipeəs] “nipis”. Dakwaan ini juga meragukan kerana kedua-dua kata *daging* dan *kuning* ialah kata pinjaman daripada bahasa Melayu. Tambahan pula, dalam bahasa Bintulu juga wujud bunyi geluncuran lain, iaitu bunyi depan separuh sempit [e] mengalami geluncuran [a] sebelum bunyi nasal velar /ŋ/, contohnya:

səbande<sup>aŋ</sup> “mendengar”  
buke<sup>aŋ</sup> səm “buku lali”  
mələse<sup>aŋ</sup> “malas”

Data yang dikumpulkan oleh penulis juga menunjukkan bunyi [-<sup>ə</sup>-] selain wujud pada vokal tinggi sebelum nasal, juga wujud pada:

(a) Vokal tinggi (depan dan belakang) yang diikuti dengan letupan alveolar bersuara /d/, contohnya:

kəliəd “dinding”  
tumiəd “tumit”  
muɣiəd “hidup”  
uduəd “daki”

(b) Vokal belakang tinggi [u] yang diikuti dengan bunyi /ʔ/, /s/ dan /t/, contohnya:

jujuəʔ “jari”  
bikuəʔ “belok”  
ŋəlatuəʔ “timbul”  
usuəʔ “rusuk”  
tuŋuəʔ “kening”  
  
maŋuəs “cium”  
luluəs “kasau”  
mətuəs “menjahit”  
musuəs “menggosok”  
ŋubuət “mengigit”  
bukuət “menumbuk”

(c) Vokal belakang tinggi [u] yang diikuti dengan bunyi nasal /n/ atau /ŋ/, contohnya:

gaduəŋ “hijau”  
putuən “patah”  
taʔuən “tahun”

## Perbincangan

Berdasarkan data, tidak dapat dinafikan ciri geluncuran wujud pada lingkungan yang sangat luas di Sarawak, kecuali kawasan yang berbahasa Bidayuhik di bahagian Barat. Ciri yang menonjol ini sesungguhnya pernah menarik minat ahli fonologi tempatan untuk menelitinya. Dengan berfokus pada dialek Melayu Saribas, Noor Azureen dan Tajul Aripin (2013) menggunakan pendekatan fonologi autosegmental untuk menghuraikan proses penyebaran fitur ini dalam dialek Saribas. Menurut mereka, kewujudan geluncuran sedemikian kerana berlakunya penyisipan vokal rendah [a]. Dalam hal ini, dialek Melayu tidak membenarkan vokal tinggi + konsonan nasal velar /ŋ/ \*/iŋ, uŋ/ hadir pada posisi akhir kata. Untuk melanggar kekangan ini, vokal rendah [a] disisipkan di antara vokal tinggi dengan konsonan nasal /ŋ/. Hasil penyisipan ini menyebabkan urutan vokal [ua] terbentuk. Dengan menggunakan kata /gebing/ “menjinjing” sebagai contoh, representasi autosegmental pembentukan geluncuran tersebut (iaitu [gəbiyaŋ] berlaku kerana konsonan nasal velar /ŋ/ menerima proses ambisilabik ke posisi koda, setelah itu, penyisipan [a] berlaku dan menghasilkan deretan vokal [ja]. Selepas penyisipan, proses penyebaran fitur geluncuran akan berlaku. Vokal tinggi /i/ yang berada pada posisi nukleus menyebarkan fiturnya ke posisi onset dan menyebabkan onset turut memiliki vokal tinggi /i/. Vokal tinggi /i/ yang bernaung pada posisi onset dikenali sebagai geluncuran [y]. Maka proses ini akan menggeluncurkan bunyi pada posisi akhir kata suku kata tertutup, iaitu /gebing/ → [gəbi<sup>ya</sup>ŋ].

Penerangan Noor Azureen dan Tajul Aripin (2013) ini sesungguhnya memberikan input baharu dalam menerangkan fenomena pembentukan geluncuran pada dialek Melayu Saribas. Lebih-lebih lagi analisis ini dibuat dengan teori fonologi generatif, teori berwibawa yang didukung ahli linguistik di seluruh dunia. Akan tetapi, kedua-dua penulis ini tidak menjelaskan sebab musabab gejala penyisipan vokal wujud secara seleksi pada dialek Melayu Saribas sahaja. Di samping itu, penerangan mereka juga terbatas pada kata yang berakhir dengan nasal velar, padahal data penulis menunjukkan bunyi geluncuran juga berlaku pada bunyi [-s] dan [-k]. Bahkan pada bahasa yang berlainan cabang bahasa di sekitarnya, seperti cabang bahasa Melanau, Bintulu dan Iban. Sesungguhnya, isu bunyi geluncuran di Sarawak masih bersifat teoritis dan belum ada teori muktamad yang mampu menerangkannya. Namun demikian, penilaian tentang ciri ini, sama ada dipengaruhi oleh bahasa di sekitarnya mampu dihasilkan kerana terdapat banyak tulisan yang boleh dirujuk. Dua bahagian berikut secara

khususnya membahaskan hubungan antara kewujudan bunyi geluncuran dengan faktor pengaruh bahasa.


### **Bunyi Geluncuran Bukan Pengaruh Bahasa Lain**

Telah dinyatakan sebelum ini bahawa bahasa Iban kaya dengan bunyi geluncuran dan merupakan *lingua franca* utama di Sarawak (selain dialek Melayu Sarawak). Sesungguhnya, di lingkungan yang bermula dari lembah Batang Lupar, Saribas, Krian Rejang hinggalah ke negara Brunei Darussalam, bahasa Iban merupakan bahasa dominan. Menurut Pringle (1970), suku kaum Iban mula menduduki Batang Lupar dan sekitarnya sebelum tahun 1800 lagi. Suku ini kemudian tersebar masuk ke lembah Rejang antara tahun 1800-1850. Di kedua-dua daerah ini, populasi Iban kian berkembang, kemudian ditambah lagi dengan asimilasi suku minoriti seperti Lugat, Bukitan dan Seru menjadi suku Iban (Pringle, 1970 dalam King, 1993); lihat Peta 2. Dari segi situasi sosiolinguistik kontemporari, bahasa Iban memainkan peranan sebagai bahasa utama di kebanyakan domain, misalnya dalam pergaulan interetnik, urusan formal dan sebagainya. Dialek Melayu sebaliknya digunakan dalam lingkungan yang terbatas.

Oleh sebab wujud beraneka jenis bunyi geluncuran pada bahasa Iban yang bersifat *lingua franca*, mungkin timbul keraguan bahawa bunyi geluncuran ini telah mempengaruhi bahasa lain di Sarawak. Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat kes bahasa Iban mempengaruhi bahasa lain. Contohnya kajian Nor Hisham (2000) di Kapit, sebuah kawasan yang berbahasa Iban sebagai bahasa dominan, mendapati bahasa ini telah menyisihkan bahasa Rejang-Tanjong (variasi Melanau). Hampir semua suku Rejang-Tanjong menguasai bahasa Iban dan menggunakannya dalam semua domain sosial. Natiujahnya bahasa ini hanya dikuasai oleh golongan yang lanjut usia sahaja. Begitu juga dengan kajian Sercombe (2002), beliau mengatakan berlakunya dominasi bahasa Iban terhadap penutur bahasa Penan dan gejala pertukaran bahasa antara Iban dengan Penan amat ketara. Namun demikian, adakah bahasa Iban begitu berpengaruh sehingga mempengaruhi ciri linguistik bahasa lain?

Sekiranya kita mendakwa bahawa kewujudan ciri geluncuran dalam dialek Melayu Saribas-Krian-Rejang, bahasa Melanau dan bahasa Bintulu akibat pertembungan dengan bahasa Iban, maka mungkin banyak istilah Iban juga akan dipinjamkan dalam bahasa-bahasa ini. Namun begitu, setakat ini belum dikesani peminjaman kata Iban yang ketara ke dalam bahasa yang





**Rajah 2** Model Masyarakat Multilingual oleh Appel & Musyken (1987).

dibincangkan ini. Daripada data yang ditampikan di makalah ini, bahkan kata-kata tersebut merupakan leksikal yang mirip dengan Melayu, contohnya [ta<sup>h</sup>u<sup>n</sup>] “tahun”, [bɔja<sup>h</sup>i<sup>t</sup>] “menjahit”, [usu<sup>h</sup>?] “rusuk” (bahasa Bintulu).

Berdasarkan kajian sosiolinguistik, pola penggunaan bahasa Iban oleh penutur bukan Iban lazimnya berbentuk pertukaran bahasa A ke bahasa B (iaitu pola yang menyaksikan penutur bukan Iban terus berbahasa Iban). Contohnya di kawasan Saribas-Krian, oleh sebab orang Melayu kompeten berbahasa Iban, mereka menukarkan kod mereka kepada bahasa Iban apabila berinteraksi dengan orang-orang Iban (Wong & Aiwan 1996). Collins (2000) juga melaporkan bahasa Iban lazim digunakan oleh remaja Melayu dalam aktiviti sukan, dan Yusriadi (2005) mengatakan orang Melayu dewasa dan pemuda di Spaoh mengaku kompeten dalam bahasa Iban dan berbahasa Iban dengan suku Iban.

Berdasarkan satu model multilingual yang dikemukakan oleh Appel & Musyken (1987), masyarakat yang multilingual boleh dibahagikan kepada tiga kategori; lihat Rajah 2. Situasi I menunjukkan dua bahasa dituturkan oleh dua kelompok yang masing-masing monolingual manakala situasi II menunjukkan komuniti yang multilingual dan kesemua penutur menguasai kesemua bahasa dalam komuniti tersebut. Situasi III pula menunjukkan sebahagian penutur ialah multilingual dan sebahagian lagi monolingual. Bentuk III merupakan model multilingual yang mencerminkan situasi multilingual penduduk di kawasan Saribas-Krian (dan Sarawak pada umumnya), iaitu suku minoriti (bukan Iban, iaitu Cina dan Melayu) menguasai bahasa suku majoriti (iaitu bahasa Iban kerana sifat kedominannya) dengan baik. Golongan majoriti ini terutamanya yang tinggal di kawasan terpencil ialah monolingual, iaitu hanya mengetahui bahasa ibunda mereka sahaja.

Berdasarkan hujah di atas, dapat dirumuskan bahawa pola penggunaan bahasa Iban dalam kalangan penutur bukan Iban berbentuk “Bahasa A → Bahasa B”. Pola tersebut diandaikan tidak menggiatkan gejala peminjaman leksikal Iban ke dalam bahasa lain kerana penuturnya mampu menguasai dan menggunakan bahasa lawan bicara sepenuhnya ketika berbicara.

Dari sudut mikrolinguistik, juga didapati ciri-ciri fonologi Iban juga tidak mempengaruhi bahasa lain di sekitarnya meskipun ada penutur bukan Iban menjangkau tahap yang mampu memberikan taklimat terperinci tentang leksikon Iban yang berhubungan dengan jamuan dan ritual (Collins, 2000). Fonologi Iban yang dimaksudkan ialah (1) bunyi /\*-aŋ/ dan /\*-an/ → /-ay/ dan (2) bunyi *r*. Dalam dialek Melayu Saribas-Krian-Rejang, Melanau dan Bintulu, tidak ditemukan ciri diagnostik bahasa Iban di dalamnya, iaitu /\*-aŋ/ dan /\*-an/ → /-ay/ (umpamanya *datang* → *datay*, *pulang* → *pulay*, *makan* → *makai* dan sebagainya). Begitu juga dengan bunyi *r*. Dalam bahasa Iban, wujud dua kesepadanan bunyi *r*, iaitu [h] (untuk variasi Iban di Samarahan dan Sibu) dan [r] (untuk bahasa Iban di Saribas dan Iban Standard); lihat Remmy (2009). Dalam dialek Melayu Saribas-Krian-Rejang dan Bintulu pula, bunyi kesepadanan untuk *r* ialah [ɣ]. Bunyi *r* dalam bahasa Iban didapati tidak mempengaruhi fonologi bahasa ini dan bunyi [ɣ] tetap kekal sebagai bunyi khas kedua-dua bahasa bukan Iban ini. Sepanjang kajian di lembah Saribas, juga tidak ditemukan sebarang kes yang penutur Melayu cuba menyesuaikan sebutan /ɣ/ mengikut cara sebutan Iban, bahkan informan sendiri sedar bahawa bunyi [r] ialah bunyi khas untuk bahasa Iban.

### **KEWUJUDAN GELUNCURAN BERSIFAT WILAYAH**

Seperti yang dinyatakan oleh Blust, ciri linguistik yang bersifat wilayah ialah: (1) merentasi rumpun bahasa, dan (2) tersebar di daerah geografi yang tidak bersambungan. Di bahagian permulaan, telah diterangkan empat bahasa yang mengandungi geluncuran menduduki cabang bahasa yang tersendiri (lihat Rajah 1). Sifat ini telah memenuhi kriteria (1). Untuk kriteria (2), kita perlu memeriksa kewujudan bunyi ini pada bahasa di luar Borneo. Berdasarkan tinjauan pustaka, beberapa bahasa di Pulau Sumatera menunjukkan unsur geluncuran. Mungkin kerana adanya persamaan dari segi bunyi geluncuran dengan bahasa Iban, maka terdapat mitos yang mengatakan bahawa suku Iban berasal dari Sumatera; lihat Asmah (1993).

Yang berikut dipaparkan tiga bahasa di Pulau Sumatera yang mengandungi bunyi geluncuran, iaitu bahasa Melayu Jambi, bahasa Minangkabau dan bahasa Kerinci.

### Bahasa Melayu Jambi

Menurut Arifudin & Akhyaruddin (2000), bahasa Melayu Jambi dituturkan di daerah kotamadya Jambi, Tanjung Jabung, Batanghari, Bungotebo dan Sarolangun Bangko. Terdapat tiga variasi Melayu Jambi, yaitu (1) dialek yang dituturkan di Jambi-Batanghari, (2) Bungotebo, dan (3) Tanjung Jabung. Daripada ketiga-tiga bahasa ini, bukan kesemuanya mengandung unsur geluncuran dan hanya variasi Tanjung Jabung kaya dengan ciri geluncuran, misalnya:

- (a) /gunouŋ/ “gunung”, burouŋ “burung”, idouŋ “hidung”
- (b) /guntieŋ/ “gunting”, /kupieŋ/ “telinga”, /pemalieŋ/ “pencuri”
- (c) /maŋgieŋ/ “manggis”, /gadeis/ “gadis”
- (d) /cicein/ “cincin”, /angein/ “angin”.
- (e) /lubouk/ “lubuk”, /tandouk/ “tanduk”.

### Bahasa Minangkabau

Bahasa Minangkabau merupakan satu lagi bahasa di Pulau Sumatera yang mengandung unsur ini. Menurut Moussay (1998 dlm Rina 2013), terdapat geluncuran [ə] pada /i, e, o, u/, misalnya /caciəŋ/ “cacing”, /karuəŋ/ “karung”, /labiəh/ “lebih”, /duduək/ “duduk”. Tinjauan pada data Rina (2013) dari Padang mendapati banyak lagi kata-kata yang mengandung unsur ini. Contohnya:

- (a) /lanŋsuaŋ/ “langsung”, /tabuaŋ/ “tabung”, /talakuəŋ/ “telekung”
- (b) /buliah/ “membenarkan”, /agiah/ “agih”, /suruah/ “suruh”.
- (c) /untua?/ “untuk”

### Bahasa Kerinci

Dalam Kamus Kerinci-Indonesia, Hakim (1985) mendakwa bahawa bunyi-bunyi seperti /ei, eu, ai, au, oi/ merupakan diftong untuk bahasa Kerinci. Jika ditinjau dari segi persebarannya dalam struktur kata, ciri ini bersamaan dengan bunyi geluncuran yang wujud dalam bahasa Melayu Jambi dan bahasa Minangkabau, contohnya:

- (a) /bureuŋ/ “burung”, /dayeuŋ/ “dayung”, /geleuŋ/ “gelung”, /guneuŋ/ “gunung”
- (b) /abeuk/ “habuk”, /adeuk/ “aduk”, /buseuk/ “busuk”, /duduek/ “duduk”.

## KESIMPULAN

Berdasarkan analisis, bunyi geluncuran yang terdapat dalam dialek Melayu Saribas-Krian-Rejang, bahasa Iban, bahasa Melanau dan bahasa Bintulu ialah ciri yang bersifat wilayah kerana menepati dua pola yang dikemukakan oleh Blust (1997), iaitu:

- (a) Merentasi cabang (rumpun) bahasa. Ciri ini tidak wujud pada satu cabang atau rumpun bahasa sahaja. Di Sarawak, bahasa yang mengandungi ciri ini merangkumi cabang bahasa Melayik (dialek Melayu Saribas-Krian-Rejang dan bahasa Iban), bahasa Melanau (turunan daripada bahasa Proto Melanau) dan bahasa Bintulu (cabang bahasa Sarawak Utara). Di luar Sarawak, iaitu Pulau Sumatera, ciri bunyi ini wujud pada dialek Melayu Jambi, Minangkabau dan Kerinci, yakni tiga cabang bahasa berlainan di bawah rumpun bahasa Melayu-Polinesia Barat; lihat Nothofer (1988).
- (b) Persebarannya tidak menunjukkan kesinambungan dari segi kawasan geografi. Bunyi geluncuran ini selain terdapat di Sarawak (lihat Lampiran, Peta 3), turut ditemui pada bahasa di Pulau Sumatera seperti bahasa Kerinci, Melayu Jambi, dan Minangkabau.

Secara keseluruhannya, jika mengambil kira bunyi praletupan nasal yang dikaji oleh Blust, terdapat sekurang-kurangnya dua jenis bunyi yang bersifat wilayah di Borneo Barat. Bahasa yang mengandungi ciri ini seolah-olah memiliki persamaan tertentu (walaupun menduduki cabang atau rumpun bahasa yang berlainan). Pada hakikatnya, persamaan tersebut hanya terhad pada aspek fonologi dan tidak melibatkan hubungan linguistik. Dari perspektif fonologi generatif, bunyi ini tidak wujud pada struktur dalaman, sebaliknya hanya pada struktur permukaan. Sekiranya kita mengandaikan bahawa bahasa di Sarawak cenderung menggeluncurkan bunyi akhir kata (pada peringkat permukaan) ataupun dilengkapi dengan proses fonologi yang membentuk geluncuran, namun persoalan yang timbul ialah ciri ini tidak merangkumi semua bahasa di Sarawak (contohnya pada bahasa Bidayuhik), sedangkan bahasa ini juga tersebar berdekatan dengan kawasan berbahasa Iban (yang sinonim dengan geluncuran). Sesungguhnya, kosa ilmu yang menghuraikan fenomena ini masih kurang dan belum nyata lagi. Sepengetahuan penulis, isu ini hanya dibahaskan oleh Noor Azureen & Tajul Aripin (2013) dari perspektif fonologi. Sebagai usaha memperkembang

kosa ilmu ini, penulis cuba membahaskannya berdasarkan kerangka teori Blust kerana wujud kesejajaran antara fenomena ini dengan fenomena bunyi letupan pranasal. Diharapkan hasil kajian ini dapat menyumbang kosa ilmu tambahan kepada peneliti akan datang, khususnya dari segi isu kemunculan bunyi geluncuran.


## RUJUKAN

- A. Hakim Usman. (1985). *Kamus umum Kerinci-Indonesia*. Jakarta. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Nasional.
- Appel, R dan Peter Muysken. (1987). *Language contact and bilingualism*. London: Edward Arnold.
- Arifudin & Akhyaruddin. (2000). *Struktur nomina bahasa Melayu Jambi*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Nasional.
- Asmah Haji Omar. (1981). *The Iban language of Sarawak : A grammatical description*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1993). Perkaitan bahasa Melayu dengan bahasa Iban dari segi sejarah. Nik Safiah Karim (Ed.) *Tinta Kenangan*, pp. 39-55. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Blust, R. A. 1974. The Proto-North Sarawak vowel deletion hypothesis. (Tesis Ph.D tidak diterbitkan). Honolulu: University of Hawai'i.
- Blust, R.A. (1986). *Penyusunan salasilah bahasa di Malaysia*. Diterjemah oleh Collins, J. T. Bangi: Penerbit UKM.
- Blust, R.A. (1997). Nasal and nasalization in Borneo. *Oceanic Linguistics*. 36(1), 149-179.
- Charles, T. and Lew, S. (2013). A phonological description of Western Bru, Sakon Nakhon variety, Thailand. *Mon-Khmer Studies* 42, 127-139.
- Chong Shin. (2007). Bahasa Iban dan dialek Melayu di Saribas. *Sarawak Museum Journal* LXII (83), 85-106.
- Chong Shin. (2008). *Bahasa Bidayuhik di Borneo Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chong Shin. (2010). Pengenalan Dialek Melayu Sekadau. *Jurnal Bahasa* 10(1), 119-135.
- Chou, Shu Hsiu. (2002). A reconstruction of Proto-Melanau. (Tesis M.A tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J.T. (1983). *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Collins, J.T. (1987). *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. (2000). Kepelbagaian dialek Melayu Sarawak: Tinjauan di Sungai Saribas dan di Sungai Rejang. *Dewan Bahasa* 44(1), 2-17.


- Collins, J.T. (2004). Ibanic languages in Kalimantan Barat, Indonesia: Exploring nomenclature, distribution and characteristics. *Borneo Research Bulletin* 35, 17-47.
- Dedy Ari Asfar. (2005). Sastera Lisan Iban Sungai Rimbis, Sarawak: Perspektif etnolinguistik. (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- King, V. (1993). *The Peoples of Borneo*. Oxford: Basil Blackwell Publishers.
- Kroeger, P. R. 1998. Language classification in Sarawak: A status report. *The Sarawak Museum Journal* 53(74), 137-173.
- Madzhi Johari. (1988). Fonologi dialek Melayu Kuching. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hisham Osman. (2000). Pemeliharaan dan penyisihan bahasa di kalangan suku kaum minoriti di Sarawak. In Proceedings of the Sixth Biennial Borneo Research Conference, Kota Samarahan, Malaysia.
- Nothofer, B. (1988). A discussion of two Austronesian subgroups: Proto-Malay and Proto-Malayic. In Mohd. Thani Ahmad and Zaini Mohamed Zain (Eds.) 1988. *Rekonstruksi dan cabang-cabang Bahasa Melayu induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Azureen Hamid @Ahmed & Tajul Aripin Kassin. (2013). Analisis fonologi autosegmental dalam proses penyebaran fitur geluncuran dialek Melayu Saribas. *Jurnal Bahasa* 13(1), 217-242.
- Pringle, R. (1970). *Rajahs and rebels*. Ithaca: Cornell University Press.
- Remmy anak Gedat. (2009). Kepelbagaian variasi bahasa iban dan corak pemilihannya dalam interaksi: Kajian kes di bahagian barat Sarawak. (Tesis M.A. tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rina Marnita. (2013). Language choice and attitude of the Minangkabau in Padang and Payakumbuh, West Sumatra, Indonesia. (Disertasi Ph.D. tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sercombe, P.G. (2002). Linguistic continuity and adaptation among the Penans of Brunei. (Disertasi Ph.D. tidak diterbitkan) Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Smith, A.D. (2017). The languages of Borneo: A comprehensive classification. (Unpublished Ph.D Dissertation). Universiti of Hawaii.
- Wong Khok Seng & Aiwan@Noraini Alli. (1996). Kosa kata dialek Melayu Sarawak: Satu tinjauan awal. *Jurnal Dewan Bahasa* 40(6), 541-548.
- Yusriadi. (2005). Bahasa dan identiti di Riam Panjang. (Disertasi Ph.D. tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaini Ozea. 1989. Bahasa Melanau: Satu tanggapan awal. *The Sarawak Museum Journal* 40(61), Special Issue No. 4, Part II: 231-250.

Diperoleh (*received*): 27 Februari 2018


Diterima (*accepted*): 4 Mei 2018



Peta 1: Daerah Persebaran Bahasa-bahasa yang Memiliki Ciri Letupan Pra-nasal di Borneo Barat.



Peta 2 Kronologi persebaran suku Iban di Sarawak (Pringle 1970).



**Peta 3** Lingkungan persebaran bunyi geluncuran di Sarawak.